

ia adalah selamat untuk mempunyai vaksin HPV walaupun anda telah mempunyai ketuat kelamin, tetapi ia tidak akan melindungi anda terhadap mana-mana jenis HPV yang telah anda dapati.

Vaksin ini paling berkesan apabila diberikan sebelum anda mempunyai banyak pasangan seks.

Di Singapura, vaksin HPV disyorkan untuk wanita yang berumur 9 hingga 26 tahun. Wanita yang lebih tua juga mungkin ingin mendapatkan vaksin; bincanglah tentang kesesuaiannya dengan doktor anda. Jika anda lelaki atau berumur lebih 26 tahun, anda boleh berbincang dengan doktor anda mengenai sama ada vaksin HPV mungkin sesuai untuk anda.

Wanita-wanita yang sudah mendapat vaksin HPV masih perlu terus menjalani ujian calitan PAP(PAP smear)secara tetap.


Mengamalkan seks selamat

- Seks tanpa pertukaran cecair badan (lelehan faraj, air mazi atau air mani)
- Penggunaan kondom dengan betul dan setiap kali anda melakukan hubungan seks
- Elakkan minum alkohol yang berlebihan sebelum atau semasa hubungan seks, kerana ini boleh menjejaskan pertimbangan anda.

Nota lanjut

Kami telah cuba untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan maklumat terkini dalam risalah ini pada bukti dan pendapat perubatan semasa. Walau bagaimanapun, maklumat dan nasihat mungkin berbeza-beza dari sumber-sumber yang berbeza mengikut masa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berjumpa dengan doktor anda atau penasihat kesihatan anda.

Lokasi Kami



Klinik DSC

31 Kelantan Lane #01-16 S(200031)

Perkhidmatan Bas

23, 64, 65, 66, 67, 130, 139, 147, 147A, 857

Stesen MRT terdekat

Bugis (EWL/ DTL)
Farrer Park (NEL)
Jalan Besar (DTL)
Lavender (EWL)
Rochor (DTL)

HIV / STI maklumat berekod
6295 2944

HIV / STI Hotline
1800 - 2521324 (Pada waktu pejabat)

Buat temujanji bersama kami

Hubungi pusat temujanji di talian 6293 9648
atau email di apptdsc@nsc.com.sg

UNTUK MENGETAHUI INFORMASI KLINIK LEBIH LANJUT SILA LAWATI WWW.DSC-CLINIC.SG
ATAU DI FACEBOOK KAMI DI WWW.FACEBOOK.COM/DSCSG

GENITAL WART VIRUS VIRUS KETUAT KELAMIN (Malay)

Apakah itu virus ketuat kelamin?

Ketuat kelamin adalah STI jenis virus (jangkitan kelamin), yang disebabkan oleh *Human papillomavirus* (HPV).

Terdapat lebih 100 jenis HPV. Kebanyakan Ketuat adalah disebabkan oleh jenis 6 dan 11. Jenis-jenis ini adalah jenis HPV yang berisiko rendah kerana mereka berkemungkinan rendah menyebabkan kanser.

Jenis HPV berisiko tinggi seperti jenis 16 dan 18 kadang-kadang menyebabkan kanser dalam serviks, kulit kemaluan atau dubur.

Bagaimana HPV boleh dijangkiti?

HPV disebarkan melalui sentuhan kulit kemaluan ke kulit kemaluan, seks faraj atau seks dubur. Menggunakan kondom ketika melakukan hubungan seks boleh melindungi anda daripada dijangkiti HPV tetapi tidak 100% berkesan.

Adalah sesuatu yang tidak lazim untuk HPV disebarkan dari tangan ke alat kelamin, dan tidak mungkin akan disebarkan dari menyentuh benda tidak hidup seperti tempat duduk tandas atau toaleta.

Apakah tanda-tanda dan gejala-gejala?

Ketuat muncul sebagai ketumbuhan berisi pada kulit. Walau bagaimanapun, tidak semua orang yang dijangkiti HPV akan menunjukkan ketuat yang nyata pada penglihatan mata.

Wanita

- Ketuat muncul di vulva, faraj, pangkal rahim(cervix) atau dubur

Lelaki

- Ketuat muncul di zakar dan kadang-kadang saluran kencing(urethra), atau dubur

Bilakah tanda-tanda dan gejala muncul?

Ketuat muncul 4 minggu atau lebih setelah dijangkiti HPV.

Siapakah Yang Perlu Menjalani Pemeriksaan?

Anda digalakkan untuk menjalani pemeriksaan jika anda mengalami gejala-gejala jangkitan atau jika pasangan atau pasangan-pasangan anda mempunyai ketuat kelamin.

Di Singapura, semua wanita yang pernah melakukan hubungan seks adalah disyorkan untuk menjalani ujian Pap smear setiap 3 tahun, bermula dari usia 25 tahun.

Bagaimana ketuat_kelamin ini didiagnos?

- Translator please take note:This heading has been shifted above the heading Bolehkah ketuat kelamin ini dirawat?
- Pemeriksaan fizikal untuk mencari hadirnya ketuat
- Ujian Pap smear untuk mengesan perubahan dalam tisu serviks yang boleh membawa kepada kanser

Bolehkah Ketuat Kelamin Ini Dirawat?

Rawatan ketuat bertujuan menghilangkan ketuat tetapi ia tidak boleh menyembuhkan jangkitan HPV.

- Cecair Nitrogen (membekukan ketuat)
- Terapi krim
- Rawatan kimia
- Pembedahan

Adalah mungkin selepas semua ketuat yang nyata hilang, beberapa virus ketuat mungkin wujud di dalam kulit. Kira-kira 30% daripada mereka yang dijangkiti ketuat kelamin akan mengalami ketuat berulang. Kebanyakan jangkitan HPV akan hapus dengan sendiri dalam masa 2-3 tahun.

Merokok boleh membuat rawatan ketuat kurang berkesan dan boleh meningkatkan peluang HPV menyebabkan kanser kemaluan.

Bolehkah Ketuat Kelamin Menyebabkan Masalah-masalah lain?

Jenis-jenis HPV berisiko tinggi boleh menyebabkan kanser serviks, vulva, faraj, zakar atau dubur.

Ketuat Kelamin ketika Hamil

Ketuat Kelamin boleh meningkat dari segi bilangan dan saiz semasa hamil.

HPV boleh menular dari ibu kepada bayi semasa melahirkan, walaupun jarang berlaku. Caesarean hanya disyorkan jika terdapat ketuat yang sangat besar menyekat saluran kelahiran.

Ketuat yang kelihatan sewaktu hamil boleh dirawat dengan pembekuan atau pembedahan. Rawatan kimia harus dielakkan semasa hamil. Ketuat cenderung untuk hilang dengan sendiri selepas hamil.

Anda tidak perlu untuk mengelakkan diri dari menjadi hamil jika anda mempunyai ketuat atau HPV. Kebanyakan bayi dari ibu-ibu yang ada ketuat tidak mempunyai masalah yang berkaitan. Walau bagaimanapun, anda perlu memaklumkan kepada doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai HPV atau ketuat.

Adakah saya perlu kembali untuk lawatan susulan?

Anda mungkin memerlukan beberapa rawatan sebelum semua ketuat dihilangkan. Pilihan untuk terapi rumah juga disediakan.

Vaksinasi HPV

Dua vaksin HPV yang selamat dan berkesan boleh didapati di Singapura - Gardasil dan Cervarix.

Vaksin ini tidak merawat atau mencegah jangkitan HPV dengan jenis yang anda sudah dijangkiti. Mereka mencegah anda daripada dijangkiti jenis HPV yang anda belum dijangkiti.